

03 SEP 1998

Anwar-Reaksi (Rahim)

RAHIM TAMBY CHIK TERHARU DENGAN PELUCUTAN JAWATAN ANWAR

KUALA LUMPUR, 3 Sept (Bernama) -- Bekas Ketua Pemuda Umno Tan Sri Rahim Tamby Chik berkata beliau terharu dengan pelucutan jawatan Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan.

"Saya terharu dengan pelucutan jawatan beliau itu tetapi selepas mendengar sebab musabab dalam empat afidavit yang difailkan di Mahkamah Tinggi hari ini...saya berpendapat kepentingan negara mesti mengatasi kepentingan individu," katanya.

"Sungguhpun saya terharu kerana pernah menjadi sahabat beliau dan kawan lama dalam perjuangan politik, semasa bersama team wawasan...saya berpendapat undang-undang mesti mengatasi semua itu," katanya ketika dihubungi.

Beliau berkata kepentingan negara mesti mengatasi kepentingan individu kerana tiada pemimpin yang kebal.

"Keluhuran undang-undang mesti dijadikan asas dan kita patut terima proses undang-undang sebagai proses biasa.

"Sebagai kawan lama, saya terharu dengan pelucutan jawatan itu tetapi undang-undang mesti mengatasi semuanya," ulangnya.

Rahim yang juga bekas Ketua Menteri Melaka pernah menghadapi proses undang-undang apabila menghadapi tuduhan rasuah dan juga disiasat kerana dikaitkan dengan seorang gadis bawah umur.

"Saya percaya bekas Timbalan Perdana Menteri akan terlibat dengan proses undang-undang dan berharap ahli Umno dan rakyat bertenang dan pastikan keluhuran undang-undang dipelihara," katanya.

Beliau yakin semua anggota Umno dan rakyat sentiasa rasional dan waras dalam menghadapi perkembangan seperti itu dan menerima proses undang-undang.

Rahim menganggap keadaan yang berlaku sebagai satu lagi episod dalam perkembangan politik negara dan merupakan satu cabaran biasa kerana Umno dan negara pernah menghadapi cabaran-cabaran lain sebelum ini.

"Yang penting ialah ahli Umno dan rakyat mesti berdiri teguh di belakang Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya.

Rahim juga berkata soal yang dihadapi oleh Anwar ialah soal peribadi dan masalah yang dihadapi beliau tidak seharusnya melibatkan Umno atau kerajaan.

"Kerajaan dan Umno tidak terlibat kerana yang terlibat ialah peribadi beliau...dakwaan yang dihadapi beliau tidak harus menjejaskan Umno dan kerajaan," katanya.

-- BERNAMA

MOZ KHY